

TARIKH	SABTU, 2 DISEMBER 2023
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	'KHIDMAT AWAM TIDAK GUNA PERUNDING LUAR'
M/S	11
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

‘Khidmat awam tidak guna perunding luar’

Putrajaya: Khidmat perunding luar tidak akan digunakan dalam perkhidmatan awam kecuali dalam keadaan kepakaran tertentu tidak dimiliki, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali, *(gambar)*.

Beliau berkata, ia sejajar dengan kepercayaan tinggi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memimpin Kerajaan Perpaduan terhadap keupayaan penjawat awam dalam melaksanakan projek dan agenda pembangunan, daripada ber-gantung kepada khidmat perunding luar.

“Sebab itu Perdana Menteri selalu sebut dulu di peringkat awal kita sering kali melantik perunding untuk menjalankan tugas (tetapi) beliau selalu berkata, tidak, tidak, tidak.”

“Kamu semua (penjawat awam) ada keupayaan untuk melaksanakan tugas, jadi diberikan kita (penjawat awam) peranan untuk membangunkan negara,” katanya dalam wawancara sempena setahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mohd Zuki berkata, pelaksanaan projek pembangunan kerajaan yang melibatkan kumpulan penjawat awam sepenuhnya dapat mengurangkan kos perbelanjaan pelaksanaan kerana perunding luar dibayar sehingga mencecah ratusan ribu ringgit terutamanya jika melibatkan perunding dari luar negara.

Sekarang ini, kata beliau, kerja rundingan melibatkan projek pembangunan dilakukan sepenuhnya oleh penjawat awam termasuk membuat rangka tindakan, yang membuktikan kumpulan penjawat awam berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Beliau berkata, menggunakan khidmat perunding dalam juga dapat mempercepatkan pelaksanaan projek dengan kerjasama penjawat awam rentas kementerian yang akan bekerja sebagai satu pasukan.

“Contohnya projek sekolah daif di SK (Sekolah Kebangsaan) Bandar Baru Bangi berjaya disiapkan dalam tempoh 22 hari sahaja berbanding jangkaan awal mungkin mengambil masa hampir setahun.

“Dulu kalau nak bina sekolah ini kena lantik perunding luar bagi khidmat arkitek, jurutera, juruukur bahan dan sebagainya, tetapi sekarang semua kita buat dalaman, ada pegawai teknikal iaitu seperti pasukan perunding dari Jabatan Kerja Raya sendiri,” katanya.



DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
------------------------	--